

TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJIJI BIN HAJI NOOR
KETUA MENTERI SABAH
SEMPENA MAJLIS ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM SABAH (ISAS)
DI DEWAN BANKUASI, TINGKAT 26, PUSAT PENTADBIRAN NEGERI SABAH
15 FEBRUARI,2021

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Sabah Maju Jaya

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat MAMPU Sabah di atas kejayaan menyempurnakan Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah 2020 pada pagi ini.

2. Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah (iSAS) ini dianjurkan selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan inovasi sebagai salah satu agenda utama negara dalam memperkasakan sektor awam Sabah. Perkhidmatan awam adalah tunjang pembangunan negeri dan merupakan penggerak utama di dalam intipati Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 2021-2025 melalui Modal Insan dan Kesejahteraan Rakyat.

3. Tahun ini adalah tahun yang sangat mencabar bagi seluruh dunia, termasuk negara kita yang begitu terkesan dengan pandemik COVID-19. Keadaan pada masa ini merupakan satu situasi yang sukar kepada semua dan perlu kita harungi bersama. Walaupun keadaan demikian, usaha membangunkan produk inovasi dan memantapkan perkhidmatan tetap dijalankan.

4. Begitu juga dengan cara kita menganjurkan iSAS. Sebelum ini diadakan secara fizikal dan bersua muka bersama semua ketua jabatan, dan para peserta. Pada tahun ini kaedah diubahsuai dan diadakan secara sidang video, bersesuaian dengan keadaan pandemik COVID-19 serta salah satu inovasi budaya kerja norma baharu.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Saya difahamkan bahawa penganjuran majlis pada hari ini adalah usaha sama iaitu Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran) dan Pejabat MAMPU Sabah. Ini merupakan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam merencanakan pembudayaan inovasi dan teknologi dalam proses kerja agar perkhidmatan terbaik dapat disampaikan kepada rakyat. Tahniah diucapkan kepada Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran) dan Pejabat MAMPU Sabah atas usaha murni ini.

6. Hari ini kita juga akan menjadi saksi penerusan tradisi untuk memberi pengiktirafan kepada inisiatif inovasi sektor awam peringkat negeri dan persekutuan. Saya percaya pertandingan yang diadakan ini merupakan satu platform terbaik untuk seluruh kementerian, jabatan atau agensi menyumbang kepada peningkatan budaya kerja cemerlang, melalui idea-idea inovatif para peserta.

7. Syabas dan tahniah kepada 163 peserta dari Persekutuan dan Negeri yang telah menyertai Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah Tahun 2020 dalam sepuluh (10) kategori yang dipertandingkan tahun ini iaitu Anugerah Inovasi Khas Ketua Menteri, Anugerah Inovasi Khas Setiausaha Kerajaan Negeri, Anugerah Inovasi Khas Setiausaha Persekutuan Sabah, Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan, Anugerah Inovasi ICT, Anugerah Inovasi Pendidikan, Anugerah Inovasi Keselamatan Fizikal dan

Dokumen, Anugerah Inovasi PBT, Anugerah Inovasi Pejabat Ceria dan Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Penjawat awam adalah aset penting dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan pembangunan negara dan juga negeri. Malah, ekspektasi rakyat kian meningkat terhadap sektor awam menuntut penjawat awam untuk terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Justeru, adalah penting untuk penjawat awam diperkasa dengan ilmu pengetahuan, sikap dan nilai yang positif. Penjawat awam yang cemerlang dan seimbang dari segi intelektual, spiritual, emosi dan fizikal akan menjadi pemacu kejayaan sektor awam Sabah.

9. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua Ketua Jabatan agar lebih kreatif dalam menyediakan pelbagai platform untuk menjana idea baru yang sesuai dengan semua lapisan penjawat awam. Pendekatan ini membolehkan mereka sendiri secara sukarela merasa terpacu untuk menghasilkan produk yang baharu atau melakukan pembaharuan.

10. Antara pendekatan yang boleh diusahakan oleh Ketua-ketua Jabatan ialah mengaktifkan Unit Inovasi bagi mencungkil bakat-bakat penjawat awam dan percambahan idea melalui kumpulan kecil di kalangan rakan sekerja. Selain itu, menyediakan peluang kepada warga organisasi untuk menyertai latihan yang relevan bagi mempertingkatkan kemahiran serta memberikan pengiktirafan kepada warga organisasi.

11. Bagi melonjakkan inovasi sebagai salah satu sumber penjana kejayaan, Portal Inovasi Perkhidmatan Awam atau singkatannya PIPA yang diilhamkan dan dibangunkan oleh Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran) akan dilancarkan hari ini. Portal ini secara khususnya akan menjadi titik sentuh (touching point) kepada pelaksanaan agenda inovasi perkhidmatan awam dan menjadi pusat pengumpulan hasil inovasi perkhidmatan awam. Ciri-ciri interaksi yang terdapat di dalamnya akan membolehkan projek dihantar dan diterima oleh agensi penyelia. Selain itu, penyenaian jenis-jenis inovasi juga dapat diselenggara dan disusun dengan teratur secara atas talian.

12. Idea ini terdapat bagi tujuan pemantauan dan pelaporan serta penyertaan projek inovasi. Faktor jarak lokaliti kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan Negeri serta kekurangan pengetahuan untuk menyertai atau menghantar projek inovasi kepada agensi penyelia dan ini juga tidak termasuk jumlah masa dan kos yang diperlukan untuk penghantaran dan penelitian laporan inovasi tersebut mendorong portal ini dibangunkan. Dengan itu, pembangunan PIPA ini dapat membantu dan memberikan informasi dan interaksi kepada semua kementerian, jabatan dan agensi dengan lebih mudah.

13. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa pelaksana dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah (ISAS) Tahun 2020.

14. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah (ISAS) Tahun 2020 dan Portal Inovasi Perkhidmatan Awam (PIPA).